



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

pH JKR DAY 2026: MEMPERKUKUH STANDARD DAN MEMPERKASA KELESTARIAN INFRASTRUKTUR NEGARA

KUALA LUMPUR - Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, hari ini telah merasmikan Program pH JKR Day 2026 yang berlangsung di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kuala Lumpur.

2. Program edisi khas berskala mini ini merupakan kesinambungan kepada penganjuran JKR Greenday yang diadakan secara dwi-tahunan sejak tahun 2021 oleh Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga (CASKT), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Penganjuran ini bertujuan memperkukuh budaya pembangunan lestari dalam industri pembinaan di samping menyokong usaha kerajaan memperluaskan amalan pembinaan hijau dalam sektor awam.

3. Program ini turut menjadi sebahagian daripada pengisian sempena Hari Profession Teknikal Negara 2026 (HPTN 2026), yang akan mencapai kemuncaknya pada 1 hingga 2 Disember 2026 di Kuching, Sarawak.

4. Bertemakan "Standard Diperkukuh, Kelestarian Diperkasa", Program pH JKR Day 2026 menyaksikan pelancaran tiga inisiatif strategik yang menjadi pemangkin kepada agenda kelestarian dan transformasi digital JKR, iaitu Polisi Pembangunan Lestari JKR, Standard JKR/SIRIM 2:2025 pH JKR Bangunan serta Sistem e-pH JKR. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka memperkukuh tadbir urus pembangunan mampan, menyeragamkan pelaksanaan penarafan hijau serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan melalui pendigitalan.

5. Sebagai menghargai komitmen warga JKR dalam memperkasakan agenda kelestarian, program ini turut menyaksikan penyampaian Anugerah Kelestarian kepada pasukan projek yang berjaya memperoleh Penarafan Hijau JKR (pH JKR) empat bintang dan ke atas bagi tahun 2025, serta kepada cawangan yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelaksanaan penarafan tersebut.

6. Dalam masa yang sama, JKR turut mengumumkan pelantikan Champion Lestari JKR yang akan berperanan sebagai agen perubahan dalam memperkukuh pelaksanaan amalan pembangunan lestari di seluruh jabatan melalui perkongsian kepakaran, pemudahcaraan dan penyebaran amalan terbaik.

7. Penganjuran Program pH JKR Day 2026 mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kerja Raya melalui JKR Malaysia dalam memastikan pembangunan infrastruktur negara dilaksanakan secara lebih cekap, berdaya tahan dan mesra alam.

8. Usaha ini selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan rakyat demi kemakmuran negara untuk generasi masa hadapan. Tiga (3) pelan tindakan strategik bagi menyokong Nationally Determined Contribution (NDC) 3.0 Malaysia kepada Perjanjian Paris juga dipertimbangkan, iaitu Pelan Tindakan Peralihan Adil; Pelan Tindakan Gender serta Strategi Pembiayaan dan Pelaburan. Ketiga-tiga pelan tindakan ini menjadi pemangkin pelaksanaan komitmen iklim negara secara inklusif, adil dan mampan, demi memastikan manfaat peralihan kepada ekonomi rendah karbon dinikmati semua lapisan masyarakat.

9. Pelan Tindakan Strategik ini berdasarkan ke[putusan Mesyuarat Ketujuh Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara (MTPIN) Bil. 1/2026 yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk memperkukuh hala tuju tindakan iklim negara melalui keputusan strategik bagi mempercepat peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon.

9. Sepanjang program berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, warga JKR dan para peserta disajikan dengan pelbagai aktiviti interaktif termasuk pameran teknologi hijau, inovasi pembinaan lestari, forum dan sesi perkongsian bersama pakar industri, Klinik pH JKR serta jualan berkonsepkan kelestarian.

10. Penganjuran Program pH JKR Day 2026 mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kerja Raya melalui JKR Malaysia dalam memastikan pembangunan infrastruktur negara dilaksanakan secara lebih cekap, berdaya tahan dan mesra alam.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
14 JULAI 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#TangkasBertindak
#KerajaanMADANI
#MADAN Ibekerja